

PUCUNG CHINA
Chinese Pond Heron

FAMILLI: Ardeidae
NAMA SAINTIFIK: *Ardeola bacchus*



CIRI-CIRI

Burung ini boleh dikenali dengan kepala, leher dan dadanya yang mempunyai jalur berwarna coklat. Bahagian atas badannya juga berwarna coklat, manakala sayap berwarna putih dengan hujungnya berwarna kelabu. Seperti kaki, paruhnya juga berwarna kuning dengan hujung yang berwarna gelap. Bagi burung juvenil, corak bulunya seakan-akan burung dewasa kecuali bahagian dadanya yang bertompok dengan ekor yang berwarna coklat. Semasa musim pembiakan, bahagian kepala, leher dan dada burung dewasa akan berubah kepada warna coklat kemerahan manakala bahagian belakang badan berubah kepada warna hitam. Saiz burung dewasa boleh mencapai antara 45 sm-52 sm.

MAKANAN

Ia memakan ikan, amfibia, ketam, invertebrata, mamalia kecil, dan anak burung.

HABITAT

Spesies ini menghuni pelbagai jenis habitat tanah lembap yang merangkumi paya air tawar, paya bakau dan kawasan yang mengalami pasang surut sehingga ke ketinggian 1, 450 m dari aras laut.

BUNYI

Ia mungkin mengeluarkan bunyi yang nyaring dan bernada tinggi sekiranya terkejut.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah antara bulan Mac hingga Mei. Sarangnya dibina secara berkoloni dan biasanya kelihatan seperti pelantar yang ringkas di atas pokok. Individu betina boleh menghasilkan antara 3-6 biji telur yang berwarna hijau kebiruan.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.